

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN TEO KOK SEONG**

**SOALAN : NO. 283**

**YB Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-**

- (a) jumlah penjawat awam yang gagal membayar pinjaman PTPTN; dan
- (b) jumlah hutang PTPTN yang gagal dibayar oleh penjawat awam dan tindakan yang diambil terhadap penjawat awam yang tidak membayar balik hutang PTPTN.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod dalam Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Perkhidmatan Awam, seramai 277,606 orang penjawat awam adalah peminjam PTPTN. Sehingga 13 Februari 2016, seramai 5,453 orang atau 2% sahaja yang masih belum membuat bayaran balik.
- (b) Jumlah hutang oleh 5,453 orang penjawat awam tersebut adalah sebanyak RM87.3 juta. PTPTN membuat potongan gaji mandatori terhadap penjawat awam yang masih ingkar berunding untuk membuat bayaran. Tindakan ini diambil selepas beberapa peringatan diberikan dan setelah pihak PTPTN hadir berunding ke jabatan masing-masing. Malah, JPA juga telah mengeluarkan

arahan kepada penjawat awam agar membuat bayaran balik melalui potongan gaji mulai 1 September 2015.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN TEO KOK SEONG  
[ RASAH ]**

**SOALAN : 284**

**YB Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ] minta PERDANA MENTERI  
menyatakan :-**

- (a) jumlah warga negara yang masih belum mendaftar sebagai pengundi; dan
- (b) jumlah peruntukan yang dibelanja untuk menarik warganegara untuk mendaftar sebagai pengundi.

SULIT

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah warganegara yang berumur 21 tahun dan keatas yang layak tetapi belum mendaftar sebagai pemilih sehingga ST 3/2015 adalah sebanyak **4,189,754 orang**. Berhubung dengan peruntukan yang diguna pakai untuk menarik warganegara mendaftar sebagai pemilih, ia hanya melibatkan penggunaan peruntukan pada kadar yang minimum sahaja.

Sekian. Terima kasih.